



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**17 Januari 2021  
04 Jamadilakhir 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Dua hilang, 2 selamat bot nelayan karam
Harian Metro	•
Kosmo I	•
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
The Borneo Post	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		20	17/11/2021

BH MS 20 17/11/2021

## Dua hilang, 2 selamat bot nelayan karam

**Sandakan:** Dua selamat manakala dua lagi hilang selepas sebuah bot nelayan karam di perairan Kuala Meruap, Lahad Datu, kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira jam 4 pagi itu, mangsa yang selamat dikenali sebagai Adrian @ Agus Bahtiar, 45, dan Oyong @ Herman, 35, yang diselamatkan nelayan lain.

Sementara dua lagi yang hilang dikenali sebagai Andi Manso, 40 dan Sindora, 42.

Pengarah Zon Maritim Sandakan, Kepten Maritim Zainudin Mohd Zuki, berkata sehubungan itu operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) diaktifkan jam 7 malam kelmarin.

Katanya, bot nelayan yang sedang melakukan aktiviti menangkap ikan di perairan berkenaan dilaporkan terbalik dan karam akibat dipukul ombak.

"Susulan itu, SAR dijalankan dengan menumpukan keluasan 175 batu nautika persegi membabitkan enam aset laut pelbagai agensi keselamatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Zainudin berkata, pihaknya menerima maklumat penemuan satu mayat lelaki oleh penduduk di perairan Tambisan, Lahad Datu, pagi semalam.